



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**

**BILANGAN 10 TAHUN 2024**

---

**GARIS PANDUAN**  
**PELAKSANAAN KEMASUKAN SKIM PERMATA BUDIMAN KE**  
**PROGRAM DIPLOMA DAN SARJANA MUDA UPSI**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
9 Julai 2024

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**9 Julai 2024**

### **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK** **BILANGAN 10 TAHUN 2024**

### **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEMASUKAN SKIM PERMATA BUDIMAN KE PROGRAM DIPLOMA DAN SARJANA MUDA UPSI**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-235 Bilangan 7/2024 yang bersidang pada 9 Julai 2024 telah meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Kemasukan Skim Permata Budiman ke program Diploma dan Sarjana Muda UPSI.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Skim Permata Budiman telah menjadi salah satu sasaran pencapaian dalam Aspirasi Naib Canselor 2024.
- 2.2 BHEA mengambil inisiatif mewujudkan garis panduan ini agar Skim Permata Budiman ini dapat dilaksanakan dengan efisien dan efektif.

#### **3.0 CADANGAN GARIS PANDUAN**

Cadangan Garis Panduan Pelaksanaan Kemasukan Skim Permata Budiman ke program Diploma dan Sarjana Muda UPSI ialah seperti berikut:

## DEFINISI

1. Tawaran kemasukan kepada anak-anak staf UPSI yang memilih program yang ditawarkan oleh UPSI sebagai pilihan pertama tertakluk melepas kriteria dan syarat kemasukan yang ditetapkan termasuk diperakui temu duga (bagi program bertemu duga).
2. Anak dari staf yang sedang berkhidmat dan pesara UPSI.

## KRITERIA PEMILIHAN

### A. PROSES PERMOHONAN

1. Calon wajib mengemukakan permohonan melalui **Sistem UPUOnline (ambilan perdana)** DAN **Sistem eBitara@UPSI (ambilan kedua)**.
2. Permohonan luar sistem tidak akan dilaksanakan kerana semua proses melibatkan padanan dan penyelarasaran data yang diisi oleh calon.
3. Proses permohonan berdasarkan pilihan program yang telah dibuat dalam sistem.
4. Hanya calon yang memilih program UPSI sebagai pilihan pertama akan dimasukkan dalam Skim Permata Budiman.
5. Padanan data nombor kad pengenalan ibu bapa calon dengan data staf UPSI yang dibekalkan oleh Bahagian Sumber Manusia akan dibuat bagi mengenalpasti calon yang termasuk dalam Skim Permata Budiman.

### B. PEMILIHAN MENDUDUKI UJIAN MEDSI (BAGI PROGRAM SARJANA MUDA PENDIDIKAN)

1. Memenuhi syarat am dan khas kemasukan ke program berkaitan.
2. Calon akan diberi peluang menduduki Ujian MEdSI tanpa melihat syarat berikut:
  - i. Status pengajian
  - ii. Keputusan MUET

### **C. PEMILIHAN MENDUDUKI TEMU DUGA**

1. Memenuhi syarat am dan khas kemasukan ke program berkaitan.
2. Melepassi tahap minimum skor MEdSI (program Sarjana Muda Pendidikan).
3. Kuota panggilan temu duga bagi calon Skim Permata Budiman tidak dikira bersama calon kategori lain.
4. Calon akan diberi peluang menjalani temu duga **tanpa melihat** syarat berikut:
  - i. Status pengajian
  - ii. Keputusan MUET

### **D. PEMILIHAN CALON JAYA**

1. Memenuhi syarat am dan khas kemasukan ke program berkaitan.
2. Calon yang telah tamat pengajian sahaja layak mendapat tawaran.
3. Diperaku temu duga dan berdasarkan ranking yang telah diselaraskan oleh pihak fakulti (bagi program bertemu duga).
4. Penawaran calon bagi ambilan perdana adalah melalui Sistem UPUonline dan ambilan kedua melalui Sistem eBitara@UPSI.

### **E. PROSES RAYUAN**

1. Calon yang mengemukakan permohonan rayuan melalui Sistem UPUonline (ambilan perdana) dan Sistem eBitara@UPSI (ambilan kedua) sahaja akan diproses.
2. Memenuhi syarat am dan khas kemasukan ke program berkaitan.
3. Pemilihan bagi program bertemu duga tertakluk kepada senarai peraku temu duga yang sedia ada dan yang baharu jika ada sesi temu duga rayuan.

4. Keutamaan program yang ditawarkan adalah program pilihan perdana jika melepas syarat dan diperaku temu duga (mana-mana yang berkaitan).
5. Bagi program yang telah memenuhi unjuran, penawaran bagi calon yang merayu adalah tertakluk kepada kelulusan fakulti.

#### **4.0 KEPUTUSAN SENAT**

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Kemasukan Skim Permata Budiman ke program Diploma dan Sarjana Muda UPSI. Manakala bagi **syarat MEdSI**, jika calon **tidak melepas tahap minimum skor, pertimbangan Timbalan Naib Canselor (AA)** diperlukan untuk calon dipanggil temu duga.

#### **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 9 Julai 2024.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**

  
**(SUHAILA SIDEK)**  
Ketua Timbalan Pendaftar  
Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Tarikh: 9 Julai 2024

